

Headline	Tiada caj tukar meter elektrik SESB		
MediaTitle	Harian Ekspres (KK)		
Date	12 May 2013	Color	Black/white
Section	Tempatan	Circulation	29,826
Page No	5	Readership	97,836
Language	Malay	ArticleSize	154 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 317
Frequency	Daily	PR Value	RM 952



Tiada caj tukar meter elektrik: SESB

TAWAU: Sabah Electricity Sdn Bhd (SESB) pada Sabtu memberi amaran kepada penggunaanya agar berwaspada dengan individu yang menyamar sebagai warga kerjanya dan meminta bayaran bagi penukaran meter elektrik.

Pengurus Besar Kanan (Pengurusan Aset) SESB Ahmad Fuad Md Kasim berkata SESB tidak pernah mengenakan caj untuk pemeriksaan dan penukaran meter elektrik di premis penggunaanya.

"Difahamkan suspek adalah seorang lelaki dan memakai pakaian (kemeja beserta logo) juruteknik SESB sewaktu berjumpa dengan mangsa di premis mereka sebelum meminta bayaran.

"Suspek juga dikatakan turut membawa notis peringatan pembayaran tunggakan (berwarna merah jambu) yang dicetak sendiri tanpa pengetahuan dan kebenaran pihak SESB," katanya dalam kenyataan di sini.

Menurut Ahmad Fuad, kejadian terba-

haru dilapor berlaku di bandar Tawau Lama pada 8 Mei lepas.

Pada masa yang sama Ahmad Fuad menegaskan SESB tidak pernah melantik mana-mana pihak bagi menjalankan kerja-kerja penukaran meter elektrik kerana semua kerja terbabit dilaksanakan oleh tenaga kerja SESB.

Selain itu, katanya semua bayaran bil elektrik cuma boleh dibuat di kaunter perkhidmatan SESB dan agensi yang dilantik, manakala bagi pembayaran perkhidmatan lain hanya boleh dibuat di kaunter SESB.

Menurutnya, warga kerja SESB juga tidak dibenarkan sama sekali menerima sebarang bayaran bagi pihak syarikat.

Sehubungan itu beliau meminta pengguna membuat laporan polis jika mereka didatangi individu mencurigakan dan meminta bayaran bagi sebarang perkhidmatan SESB termasuk menukar dan memeriksa meter elektrik.—Bernama